

1975

KUALA LUMPUR, 26 JULAI (BERNAMA) -- PELAJARAN PERINGKAT TINGGI TIDAK LAGI AKAN TERANCAM OLEH PENDAPAT DAN TINDAKAN TIDAK MEMBINA DENGAN KUATKUASANYA AKTA (PINDAAN) UNIVERSITI DAN KOLEJ 1975, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA, DENGAN DEMIKIAN USAHA PEMBANGUNAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN TENAGA MAHIR YANG BERKESAN SERTA SETIAP SEN YANG DIBELANJAKAN AKAN MENDAPAT FAEDAH PALING TINGGI UNTUK NEGARA.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA AKTA (PINDAAN) ITU TIDAK AKAN MENYUSahkan PARA PELAJAR MALAH SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MELINDUNGI MEREKA AGAR DAPAT MENUMBUHKAN PERHATIAN KEPADA PELAJARAN.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI UPACARA PENYAMPAIAN DIPLOMA 1974/75 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN DISINI.

BELIAU BERHARAP PARA LULUSAN YANG MENERIMA DIPLOMA ITU DAPAT MENYUMBANGKAN PENGETAHUAN SERTA TENAGA DENGAN PENUH DEDIKASI DEMI KEPENTINGAN NEGARA.

NEGARA MASIH BANYAK KEKURANGAN TENAGA MAHIR DIBIDANG TEKNIK PADA MASA INI DAN AKAN DATANG.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA SEDANG DIAMBANG PELAKSANAANNYA TAHUN DEPAN DAN PERMINTAAN TERHADAP TENAGA MANUSIA MAHIR MUNGKIN MELEBIHI PENAWARAN.--BERSAAMBUNG-1805/BY

587:  
MAHATHIR-UTM 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANA PUN DENGAN PERKEMBANGAN PESAT DI UNIVERSITI ITU DAN INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI LAIN, KEADAAN KEKURANGAN AHLI-AHLI TEKNIK ITU TIDAKLAH MENJADI BEGITU BURUK.

BELIAU MENYERU PARA PELAJAR BAIK DI SEKOLAH MAHUPUN DI YAYASAN PELAJARAN TINGGI BERDAMPING RAPAT DENGAN PENDIDIKAN ROHARI DISAMPING MEMPELAJARI BIDANG PENGKHUSUSAN MASING-MASING.

INI AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MENJADI ANGGUTA MASYARAKAT BERDISIPLIN DAN BERAKHLAK TINGGI SELARAS DENGAN KEHENDAK DAN CITA-CITA NEGARA.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH YAYASAN PELAJARAN TINGGI YANG TELAH MERINTIS JALAN MEMBERIKAN PENDIDIKAN ISLAM, TATASUSILA DAN TATANEGARA KEPADA PELAJAR-PELAJARNYA.--BERSAMBUNG 1803/BY

588:  
MAHATHIR-UTM 3 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU, NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TERSEBUT, TAN SRI AINUDDIN ABDUL WAHID BERKATA PEMINDAHAN UNIVERSITI KE KAMPUS BARUNYA DI JOHOR BAHRU HANYA DAPAT DILAKSANAKAN SECEPAT-CEPATNYA DALAM TAHUN LAPAN PULUHAN.

BELIAU BERKATA BAHAWA SEBERAPA YANG BOLEH, SEGALA KERJA PEMBANGUNAN DI KAMPUS BARU ITU AKAN DIKENDALIKAN SENDIRI DENGAN MENGGUNAKAN TENAGA YANG ADA DI UNIVERSITI ITU.

KERJA PERANCANGAN KAMPUS BARU ITU TELAH PUN DIMULAKAN DAN KERAJAAN NEW ZEALAND SEDANG BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN SEORANG PAKAR PERANCANG KAMPUS UNTUK MEMBANTU UNIVERSITI ITU DALAM USAHA TERSEBUT.

TAN SRI AINUDDIN BERKATA BAGAIMANAPUN PEMBANGUNAN DI KAMPUS YANG ADA DISINI MESTILAH DI ERUSKAN SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN NEGARA SUPAYA PENGELUARAN DAR UNIVERSITI ITU TIDAK TERGENCAT.

KIRA-KIRA 325 PARA LULUSAN MENERIMA DIPLOMA DI UPACARA ITU YANG PERTAMA KALI DIADAKAN SETELAH PUSAT PENGAJIAN ITU DIBERINAMA BARUNYA

GULUNGAN LEPASAN INI ADALAH UNTUK MENJADI GURU DI SEKOLAH MENENGAH TINGGI, DI TINGKATAN EMPAT DAN LIMA, DI DALAM MATA PELAJARAN ILMU HISAH, FIZIK DAN KIMIA.

TURUT HADIR DI UPACARA ITU JALAH Pengerusi MAJLIS SEMENTARA UNIVERSITI ITU, TAN SRI ABDUL AZIZ YEOP --BERNAMA